

KAEDAH PENGAJIAN KITAB RIYADUS SOLIHIN DI YOTUBE OLEH USTAZ ABDUL SOMAD

Muhammad Haziq Najmi Bin Rosli¹

Zul Afiq Azim Bin Baharudin²

Syed Najihuddin bin Syed Hassan³

¹Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-Mail: Haziqrosli@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (E-Mail: zulafiqazim@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-Mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstract: *Riyadus Solihin merupakan sebuah kitab hadis karya Imam An-Nawawi yang masyhur dan sering digunakan dalam kuliah dan pengajian agama di masjid atau di surau. Selain itu, kitab ini juga menjadi rujukan ramai cendekiawan. Pengajian kitab ini juga dapat dipelajari secara atas talian di beberapa platform antaranya Facebook, Youtube, Tiktok dan sebagainya. Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan yang muncul sekiranya pengajian inidijalankan secara atas talian. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif iaitu kajian melalui kepustakaan. Oleh itu, matlamat kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan pengajian kitab ini secara atas talian terhadap masyarakat. Hasil kajian ini akan membantu generasi agar menjadi manusia yang peka terhadap keadaan diri, keluarga, rakan dan masyarakat muslim. Diharapkan agar kajian ini dapat memberi manfaat dan dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan pada masa hadapan kelak.*

Kata kunci: *Pengajian, Riyadus Solihin, Atas talian*

Pendahuluan

Pada zaman era moden ini, penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat menular dan mendapat sambutan yang baik terutamanya di negara Malaysia. Hal ini demikian kerana media sosial membolehkan pengguna berkongsi maklumat antara satu sama lain, digunakan sebagai medium untuk berhubung dan sebagainya, serta merupakan aplikasi yang mampu diguna terus atas talian walau dimana kita berada. Media sosial dilihat semakin menular dalam perkembangannya yang membolehkan pengguna mengakses aplikasi atau webdan juga berinteraksi dengan sahabat untuk berkongsi dan bertukar maklumat menerusi mediasosial (Kaplan & Haenlain, 2010). Media sosial seperti contoh Youtube, Facebook dan TikTok merupakan antara platform yang sering digunapakai oleh masyarakat Malaysia pada masa kini terutamanya golongan muda. Mereka merupakan golongan yang cepat mengadaptasi dengan teknologi canggih dan arus moden ketika ini.

Media sosial didefinisikan sebagai sebuah aplikasi yang berasaskan internet. Oleh itu, media sosial memainkan peranan dan tanggungjawab serta amanah yang sangat besar dalam menyebarkan maklumat yang tepat, benar, dan berfaedah kepada masyarakat di sekeliling. Hal ini bertepatan dengan petikan al-Quran kelebihan orang yang berilmu dan menyebarkan ilmu dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Mujadilah, 58: 11.

Maksud: Wahai orang yang beriman. Apabila diminta kepada kamu memberi lapang daripada tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila kamu diminta bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang yang beriman antara kamu, dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.

Ayat tersebut membincangkan betapa pentingnya menuntut ilmu pengetahuan dan betapa orang berilmu ditinggikan darjatnya oleh Allah SWT. Tambahan pula, maklumat yang disebarkan melalui media sosial hendaklah disemak terlebih dahulu kesahihannya serta mengambil kira kepentingan dan tanggungjawab untuk mendidik dan membawa masyarakat ke arah kebaikan dan menjauhi kemungkaran (Jasmi, Kamarul Azmi, 2015a, 2016a; Samed et al., 2019; Jasmi, Kamarul Azmi, 2002, 2018a, 2020).

Antara contoh aplikasi yang boleh membantu dalam menyampaikan ilmu adalah seperti YouTube di mana masyarakat boleh melayari aplikasi tersebut untuk mempelajari 20 segala ilmu yang ada dalam dunia. Contoh ilmu yang bermanfaat yang boleh dipelajari oleh masyarakat adalah seperti kitab Riyadus Solihin karya Imam An-Nawawi. Kitab riyadus Solihin merupakan salah satu karya agung yang menjadi rujukan sebahagian ulama dan cendikiawan agama sebagai rujukan asas kedua selepas Al-Quran kerana intipatinya memadai untuk dijadikan pedoman bagi membentuk sahsiah dan insan yang berakhlak. Hampir keseluruhan Kitab Riyadus Solihin ini adalah hasil kajian dan terjemahan dari Al-Quran dan l-Sunnah yang menghimpunkan didalamnya pengetahuan kenabian yang diperlukan oleh manusia khususnya umat islam.

Kajian Literatur

Dalam kajian ini, penggunaan media sosial di dalam proses Pendidikan dapat menambah pemahaman serta menjadikan aktiviti pembelajaran lebih efektif dan menarik. Media sosial merupakan medium untuk masyarakat berkongsi dan menyampaikan maklumat tentang perkara atau ilmu-ilmu tertentu secara percuma serta dapat memberi manfaat kepada diri sendiri dan orang ramai. Dalam konteks agama islam, media sosial itu juga penting dalam penyebaran agama Islam, tetapi juga masyarakat islam itu sendiri harus bijak dan berdisiplin dalam penggunaan media sosial. Maksudnya disini adalah segala maklumat yang disampaikan atau disebarkan mestilah berdasarkan rujukan yang sahih, mestilah menjaga percakapan agar

tidak menyinggung perasaan orang lain dan sebagainya.

Media sosial contohnya seperti aplikasi Youtube yang berkongsi video secara meluas. Youtube juga mampu untuk menyediakan durasi video sehingga 11 jam, dimanacukup untuk memuatkan isi-isi penting kepada pendengar. Antara contoh maklumat berkaitan ilmu agama yang dapat dicari di Youtube adalah Kitab Riyadus Solihin. Ramai pendakwah terkenal menggunakan media sosial sebagai platform bagi meluaskan mesej dakwah mereka. Antara pendakwah yang terkenal yang menggunakan media sosial seperti Youtube untuk berinteraksi dan berkongsi ilmu ialah Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Wadi Anuar dan juga Ustaz Abdul Somad. Hal ini demikian menunjukkan bahawa bukan sahaja program television yang dapat menyebarkan dakwah, bahkan pada era globalisasi ini media sosial juga merupakan platform penting sebagai medium tambahan bagi menarik anak-anak muda untuk mendengar dan mentelaah ilmu agama.

Justeru itu, media sosial memainkan peranan penting dalam membantu memudahkan penyebaran dan penyampaian dakwah serta ilmu pengetahuan. Media sosial membuktikan bahawa ia mampu menjadi sebuah medium perantaraan dakwah yang bagus pada era kemodenan teknologi. Media sosial adalah sesuatu yang dapat mempengaruhi masyarakat pada masa kini kerana mengikut peredaran masa.

Metodologi Kajian

Metode yang digunakan di dalam kajian ini ialah metode kualitatif iaitu kaedah perpustakaan di mana pengumpulan maklumat didapatkan melalui pelbagai sumber seperti kajian terdahulu. Kami menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan maklumat daripada laman web dan kami juga melakukan penelitian secara khususnya dengan mengikuti kuliah kitab Riyadus Solihin yang disampaikan oleh Ustaz Abdul Somad melalui saluran Youtube.

Latar Belakang Kitab Riyadus Solihin

Kitab Riyadus Solihin atau dalam Bahasa Melayu diterjemahkan sebagai taman orang-orang solih. Jadi tajuk kitab ini menunjukkan bahawa isi kandungan yang terdapat dan diceritakan di dalam kitab ini merupakan panduan bagi orang yang ingin menjadi orang soleh. Kitab ini merupakan sebuah kitab hasil karya Imam Muhyiddin Abi Zakariyah Yahya bin Sharaf Al-Nawawi Al-Dimashqi atau dikenali sebagai imam An-Nawawi (631H - 676H).

Jumlah hadis yang terdapat di dalam hasil karya ini ialah sebanyak 1896 hadis dan terdapat 19 kitab dan mempunyai 372 bab. Antara kitab-kitab yang terdapat di dalam karya ini ialah Kitab Adab, Kitab Pakaian, Kitab Salam, Kitab Menziarahi Orang Sakit, Kitab Musafir, Kitab Zikir dan lain-lain. Di dalam kitab-kitab ini pula mengandungi bab-bab kecil yang menghimpunkan hadis berkaitan di dalamnya. Sebagai contoh, di dalam Kitab Adab Makan terdapat 17 bab di dalamnya seperti Bab Membaca Bismillah Pada Permulaan Makan dan Alhamdulillah Pada Penghabisannya, Bab Larangan Mencela Makanan dan Digalakkan Memujinya, Bab Galakan Makan Dengan Tiga Jari dan sebagainya. Maka di dalam bab-bab ini akan dihimpunkan hadis-hadis yang berkaitan. Sebagai contoh, di dalam bab Membaca Bismillah Pada Permulaan Makan dan Alhamdulillah Pada Penghabisannya mempunyai 51 hadis berkaitan di dalamnya. Imam Nawawi menyatakan bahawa di dalam buku ini, beliau mengumpulkan hadis-hadis berkaitan akhirat, adab, akhlak, penyucian hati, dan perkara yang menuju ke arah kebaikan.

Imam An-Nawawi memulakan penulisan kitab Riyadus Solihin dengan muqaddimah yang ringkas di mana di dalamnya menerangkan tentang sebab-sebab yang mendorong kepada penyusunan dan penghasilan kitab ini. Antara sebab-sebabnya ialah beliau ingin agar kitab ini menjadi panduan dan pedoman bagi mereka yang ingin mendekatkan diri kepada Allah.

Hadis-hadis yang dihimpunkan di dalam kitab ini ialah hadis yang jelas kesahihannya, walaupun

terdapat hadis yang dha'if, namun beliau mengambilnya daripada kitab sahih yang mahsyur. Metodologi penulisan kitab ini ialah Imam Nawawi meletakkan ayat al-Quran bagi setiap permulaan bab dan menerangkan makna tertentu secara ringkas. Beliau turut menggunakan istilah mutaffaun `alaih pada sesetengah akhir hadis.

Hadis-hadis yang dikumpulkan berkait rapat dengan persoalan yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari dan boleh dijadikan sebagai panduan hidup umat Islam. Sebagai contoh hadis di dalam kitab ini menyentuh perkara seperti pengurusan hati dan mengatasi pelbagai masalah berkaitan jiwa, juga terdapat hadis-hadis yang mendorong dan memotivasikan dalam melaksanakan amal ibadah dengan benar, menyeru agar kita menjaga hubungan kepada Allah dengan benar serta akhlak keperibadian seharian kaum muslimin bermula dari bangun tidur sehingga tidur kembali, dan di dalamnya juga turut menyentuh sebahagian hukum syarak yang sangat penting yang harus diketahui dan difahami oleh kaum muslimin. Kitab ini merupakan salah satu kitab terbaik hasil karya Imam An-Nawawi di mana ianya menjadi antara rujukan utama dan sering digunakan di dalam pengajian sama ada kuliah di masjid mahupun di surau-sarau. Ramai ulama yang memberikan pandangan mengenai kitab ini antaranya:

M. Abdai Rathomy (1984) merupakan pentahnik kitab Riyadus Solihin mengatakan kitab ini merupakan kitab hadis yang dikumpulkan oleh Imam an-Nawawi, seorang yang sangat alim, zuhud, hafiz dan wali yang sangat terkenal pada zamannya. Segala hadis yang dikumpulkan ini cukup memadai untuk seorang manusia menjalani kehidupan yang sempurna. Beliau mengatakan lagi, kitab ini mempunyai 4 jilid.

Ahmad Ratib Kamus (Kamarul Azmi, 2007: 30) merupakan pentahnik utama kitab ini mengatakan bahawa hasil yang diperolehi daripada kitab Riyadus Solihin ini dipenuhi dengan seruan kepada seluruh manusia untuk menjalani kehidupan yang direstui oleh Allah. Kitab ini diumpamakan sebagai kebun yang sedang menghijau tempat kehidupan seorang mukmin yang dipetik cahaya hadis Rasulullah yang agung.

Medium Kajian

Medium yang digunakan untuk mengkongsikan video-video kuliah kitab Riyadus Solihin dan dijadikan sebagai sumber penelitian utama pengkaji ialah medium Youtube di saluran bernama Ustadz Abdul Somad Official. Saluran ini merupakan saluran peribadi ustaz Abdul Somad yang menghimpunkan video-video kuliah dan pengajian yang dilakukan di masjid. Di antara video yang dimuat naik adalah seperti Kajian kitab Riyadus Solihin. Sebanyak 16 siri kuliah telah pun dijalankan dengan jumlah keseluruhan video ialah 20 video. Purata tontonan ialah sebanyak 71.45 ribu tontonan. Jumlah pelanggan yang telah melanggan atau mengikut saluran ini ialah seramai 3.18 juta orang.

Ringkasan berkenaan video kuliah kitab Riyadus Solihin yang terdapat dalam saluran Youtube ini ialah pada siri yang pertama Ustaz Abdul Somad menceritakan tentang biografi Imam An-Nawawi iaitu pengarang kitab Riyadus Solihin. Video ini berdurasi selama 57 minit 25 saat. Video ini telah mendapat sebanyak 3.7 ribu jumlah tontonan dan 145 ribu tontonan. Terdapat 129 komen di dalam ruangan komen di mana kebanyakannya menyukai kuliah yang telah dijalankan dan tiada komen negatif yang diberikan oleh penonton. Namun terdapat juga orang yang menanyakan soalan di ruangan komentar.

Pada video kuliah kitab Riyadus Solihin siri kedua, Ustaz Abdul Somad menceritakan dan membahas mengenai Ikhlas di dalam kuliahnya. Terdapat dua video untuk siri kedua. Video yang pertama berdurasi selama 7 minit 37 saat dan video kedua berdurasi selama 22 minit 16 saat. Video yang pertama diawali dengan permintaan untuk bersedekah kepada pusattahfiz Az-Zahra. Terdapat sebanyak 638 orang yang menyukai video ini dengan sebanyak 13 ribu jumlah tontonan beserta 33 komen untuk video ini. Manakala untuk video kedua pula terdapat 63845 jumlah tontonan secara keseluruhan dengan 80 komen di dalamnya. Seramai 1.6 ribu orang yang menyukainya.

Biografi Ustaz Abdul Somad

Prof. Ustaz Dr. H. Abdul Somad Batubara, Lc., M.A., Ph.D. atau juga dikenali sebagai Ustaz Abdul Somad. Beliau lahir pada 18 Mei 1977, merupakan seorang ulama dari Indonesia yang berasal dari kawasan Asahan, Sumatera Utara. Beliau telah dikenali kerana syarahannya merujuk kepada pelbagai tajuk perbualan mengenai keagamaan, khususnya berkenaan dengan kajian-kajian hadis dan falsafah perundangan Islam/ilmu fiqh. Di samping itu, beliau selalunya membincangkan pelbagai tajuk perbualan yang sedang sohor kini dalam sebuah khalayak ramai dan masyarakat tempatan seagama Islam, antaranya ialah yang mengenai perkara rasa kebangsaan.

Dakwah dan syarahan beliau dicirikan dengan perihal keberlinaan yang dipunyai dalam kesanggupan bercakap dan lawak jenaknya yang sekaligus dapat memikat rasa minat daripada khalayak awam, dan seringkali syarahan-syarahan beliau disiarkan menerusi saluran YouTube dan media sosial yang lain lagi. Beliau pula kini menjadi seorang pensyarah di Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau di wilayah Riau


Ustaz Abdul Somad menempuh pendidikan formal sehingga ke peringkat kedoktoran. Beliau tamat [sekolah di Sekolah Dasar](#) Al-Washliyah, Medan pada tahun 1990. Kemudian beliau melanjutkan pengajian di Madrasah Tsanawiyah Mu'allimin Al-Washliyah, [Medan](#) dan tamat pada 1993. Seterusnya beliau ke Madrasah Aliyah Nurul Falah, Air Molek, Inderagiri Hulu dan tamat pengajian pada 1996. Pada tahun 1998, beliau melanjutkan pengajian peringkat sarjana muda (*Licentiate*) di [Universiti Al-Azhar](#), Kaherah, Mesir. Beliau melanjutkan pengajian sehingga tahun 2002. Setelah pulang dari Mesir, beliau melanjutkan pengajiannya di [Universiti Kebangsaan Malaysia](#), Bangi namun hanya sempat untuk dua semester sahaja sebelum beliau berhenti. Pada tahun berikutnya (2004), beliau melanjutkan pengajian dalam diploma pengajian siswazah lanjutan (*Diplôme d'Études Supérieures Avancées*) di Institut Pengajian Islam Tinggi Darul Hadis al-Hassaniah di Rabat, Maghribi selama 3 tahun. Beliau juga telah menyelesaikan ijazah kedoktoran dalam bidang pengajian ilmu Hadis pada Disember 2019 dengan keputusan yang cemerlang dari Universiti Islam Omdurman, Sudan.

Selepas tamat pengajian dari Maghribi, Ustaz Abdul Somad aktif berkhidmat dipelbagai agensi antaranya seperti pensyarah bahasa arab di Pusat Bahasa [Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim](#) Riau, pensyarah Tafsir dan Hadis di Kuliah Antarabangsa, Fakulti Usuluddin, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau, Pensyarah Agama Islam di Sekolah Tinggi Agama Islam Al-Azhar, Yayasan Masmur, Pekanbaru, Anggota [Majelis Ulama Indonesia](#), Provinsi Riau, Komisi Pengkajian dan Keorganisasian, Sesi 2009–2014, Anggota Badan Amil Zakat Provinsi Riau, Komisi Pengembangan, Sesi 2009–2014, Setiausaha Lembaga Bahtsul Masa'il [Nahdlatul Ulama](#) Provinsi Riau, Sesi 2009–2014, Profesor Pelawat di Fakulti Usuluddin, [Universiti Islam Sultan Sharif Ali](#), Brunei Darussalam, Sesi 2020-2021.

Ustaz Abdul Somad merupakan seorang tokoh hebat dimana terkenal kerana penguasaan ilmu agamanya terutama dalam bidang hadis dan bidang fiqh. Cara penyampaian ilmunya yang menarik dan unik, di mana seringkali diselisih antara ilmu dan gurauan membuatkan para jemaah yang mendegar tidak rasa bosan. Selain itu, beliau juga banyak menceritakan tentang isu nasionalisme serta permasalahan hangat dalam kalangan masyarakat. Beliau merupakan seorang ustaz yang sangat disegani dan sangat dihargai kehadirannya. Disamping kesibukan Ustaz Abdul Somad, beliau menyempatkan diri untuk berdakwah. Beliau menggunakan aplikasi atas talian seperti Youtube untuk memuat naik video ceramahnya dan disitu dapat ditonton oleh semua lapisan masyarakat. Dakwah melalui Youtube seperti yang dilakukan oleh Ustaz Abdul Somad merupakan model dakwah yang banyak digemari oleh masyarakat saat ini, khususnya anak muda Muslim zaman kini.

Analisis 1

Saluran Youtube Ustadz Abdul Somad



Gambar 1: Saluran Youtube Ustadz Abdul Somad Official

Gambar di atas menunjukkan saluran Youtube Ustadz Abdul Somad. Setakat 23 Disember 2022, channel ini telah memiliki seramai 3.22 juta pelanggan yang melanggan saluran ini. Terdapat 1.8 ribu video yang telah dimuat naik oleh ustaz ke dalam saluran ini. Kebanyakan video yang dimuat naik ialah video seperti ceramah, pengajian kitab dan kuliah yang diadakan di masjid.

Analisis Video

Seperti yang telah diketahui bahawa kitab Riyadus Solihin ini menceritakan tentang banyak hal yang berkait rapat dengan kehidupan. Sebagai contoh, di dalam salah satu kuliah Ustadz Abdul Somad, beliau telah memberi ceramah berkaitan Ikhlas. Berikut merupakan ringkasan dari video yang terdapat di dalam saluran Youtube ini berkaitan pengajian Kitab Riyadus Solihin.

Niat Yang Ikhlas Untuk Beribadah Kepada Allah Adalah Syarat Pertama Untuk Ibadah

Yang Sah.

Ikhlas adalah syarat utama agar ibadah diterima. Ikhlas adalah bertentangan dengan syirik, iaitu mempersekutukan Allah dengan manusia. Ia melibatkan melakukan beberapa ibadah kepada Allah di samping melakukan ibadat kepada orang lain. Perkara ini bermaksud melakukan sesuatu ibadah kerana Allah tetapi dalam masa yang sama kita lakukan ibadah kerana yang lain. Atau melakukan ibadah untuk dilihat manusia termasuksekutukan Allah dalam niat. Apabila tidak ikhlas dalam ibadat maksudnya tidak lagi bersih, suci dan murni. Jika ada niat sebenar di sebalik solat iaitu mengerjakannya semata-mata kerana Allah SWT tanpa mengaitkannya, Allah SWT akan menerimanya. Jika ibadah itu tidakdilakukan untuk keredhaan Allah SWT, ia tidak akan mendapat pahala.

Ikhlas ditakrifkan sebagai bersih, suci, dan tidak terjejas oleh apa-apa. Ia setanding dengan susu asli yang tidak rosak. Imam al-Ghazali menyatakan menurutakrifan al-ikhlas, sesuatu yang telah digabungkan dianggap suci apabila telah dibersihkan daripada gabungan tersebut. Penyucian atau pemisahan yang sungguh-sungguh adalah tindakan memisahkan mereka. Dari perspektif istilah, "niat" merujuk kepada punca utama sesuatu perbuatan. Dalam erti kata lain, sama ada sesuatu perbuatan itu boleh diterima atau tidak bergantung kepada niat yang dimaksudkan. Tujuan (al-qasd) yang terhasil daripada kesedaran hati atau jiwa untuk bertindak mengikut kehendak sendiri juga disebut sebagai niat. Oleh kerana setiap tindakan mempunyai tujuan dan matlamat perbuatan menentukan sama adaganjaran baik atau buruk akan diterima kerana setiap tindakan mempunyai makna (an-Nawawi,1988). Niat ditakrifkan sebagai tujuan yang dijangka atau diikuti oleh kehendak dari sudut linguistik. Menurut syariah, niat ditakrifkan sebagai keinginan untuk mencapai sesuatu diikutidengan tindakan yang akan mendapat keredaan Allah SWT (al-Asyqar, 2002).

Komponen paling asas untuk melakukan apa-apa kerja, termasuk belajar, adalah niat. Niat dan kemahuan untuk melakukan sesuatu tindakan dengan berkesan mengikut kesesuaian adalah berkaitan. Ia jelas sekali tidak bertentangan dengan undang-undang Islam (Sidek Baba, 2012). Niat turut menghubungkan antara seseorang dengan Allah SWT (ḥabl minā'Llāh) dan sesama manusia (ḥabl minā'n-nās). Niat bukan sekadar yang dilafazkan atau terdetik di hati pada permulaan pelaksanaan tugas; ia juga melibatkan membawa keazaman yang kuat bahawaaktiviti itu akan disempurnakan serta boleh dicapai, dengan jumlah kelebihan yang paling besar, dan dengan cara yang diredhai Allah SWT (Muhammad Syukri Salleh, 2003).

Di dalam ceramah yang disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Abdul Somad dalamvideonya di medium Youtube, beliau menerangkan dan menceritakan sedikit sebanyak tentangapa itu ikhlas dan pengertiannya serta ciri-ciri ikhlas itu sendiri. Antara yang ditekankan oleh beliau adalah ikhlas itu berpaut dengan niat, maka melakukan sesuatu ibadah itu mestilah dengan keikhlasan iaitu hatinya bersih dari segala tujuan dan pengaruh lain yang buruk yang dapat menjejaskan niat asalnya seperti riyak, ujub, takabbur, dan sebagainya. Seperti contoh, solat dan membaca al-Quran kerana ingin dipuji oleh rakan-rakan atau bersedekah di depan khalayak ramai untuk mendapat pujian.

Ustaz Abdul Somad juga membacakan serta menerangkan secara jelas kepada para pendengar hadis-hadis yang berkaitan dalam bab ikhlas ini, antaranya:
Maksudnya: Dari Ummul mu'minin yaitu ibunya - sebenarnya adalah bibinya - Abdullah yakni Aisyah radhiallahu 'anha, berkata: Saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Ada sepasukan tentera yang hendak memerangi - menghancurkan - Ka'bah, kemudian setelahmereka berada di suatu padang dari tanah lapang lalu dibenamkan-dalam tanah tadi -dengan yang pertama sampai yang terakhir dari mereka semuanya." Aisyah bertanya: "Saya berkata, wahai Rasulullah, bagaimanakah semuanya dibenamkan dari yang pertama sampai yangterakhir, sedang di antara mereka itu ada yang ahli pasaran - maksudnya para pedagang - sertaada pula orang yang tidak termasuk golongan mereka tadi - yakni tidak berniat ikut menggempur Ka'bah?" Rasulullah s.a.w. menjawab: "Ya, semuanya dibenamkan dari yang pertama

sampai yang terakhir, kemudian nantinya mereka itu akan diba'ats - dibangkitkan dari masing-masing kuburnya - sesuai niat-niatnya sendiri

Hadis ini menceritakan tentang seseorang insan yang soleh atau bertakwa, jika dia berdiam diri apabila melihat kemungkaran yang dilakukan oleh orang sekelilingnya, maka apabila Allah SWT mendatangkan azab atau seksa kepada golongan tersebut, maka orang-orang yang soleh ini juga pasti akan terkena. Namun, walaupun semua yang dibinasakan itu tidaklah masuk neraka. Hal ini kerana mereka dinilai sesuai dengan niat yang terkandung dalam hati. Jika niatnya baik, maka syurga lah tempatnya dan sebaliknya.

Maksudnya: Dari Aisyah radhiallahu 'anha, berkata: Nabi s.a.w. bersabda: "Tidak ada hijrah setelah pembebasan - Makkah, tetapi yang ada ialah jihad dan niat. Maka dari itu, apabila engkau semua diminta untuk keluar oleh imam untuk berjihad, maka keluarlah, yakni berangkatlah.

Hadis kedua pula menceritakan sabda nabi SAW yang menyebutkan: "Tetapi yang ada adalah jihad dan niat," maksudnya ialah bahwa diperolehnya kebaikan dengan sebab hijrah itu telah terputus dengan dibebaskannya Makkah itu, tetapi sekalipun demikian masih pula dapat dicapai kebaikan tadi dengan berjihad dan niat yang betul. Dalam hadis di atas jelas diuraikannya perintah untuk suka berniat dalam melakukan kebaikan secara mutlak dan berniat itu sudah dapat memperoleh pahala. Hijrah disini juga bermaksud meninggalkan dosa.

Maksudnya: Dari Abu Abdillah yaitu Jabir bin Abdullah al-Anshari radhiallahu'anhuma, berkata: Kita berada beserta Nabi s.a.w. dalam suatu peperangan - yaitu perang Tabuk - kemudian beliau s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya di Madinah itu ada beberapa orang lelaki yang engkau semua tidak menempuh suatu perjalanan dan tidak pula menyeberangi suatu lembah, melainkan orang-orang tadi ada besertamu - yakni sama-sama memperoleh pahala - mereka itu terhalang oleh sakit - maksudnya andaikata tidak sakit pasti ikut berperang.

Hadis ketiga menceritakan tentang orang yang berniat berjihad namun terhalangi uzur akan tetapi tetap akan mendapat pahala. Seseorang yang biasa beramal soleh kemudian tiba uzur dan tidak dapat mengerjakan suatu amalan seperti mana ketika dia sihat, maka tetap akan mendapat pahala. Hal ini dorongan agar kita sentiasa berniat untuk berjihad, dimana jihad adalah antara amalan yang dikurniakan pahala yang besar buat orang yang melaksanakannya. Orang yang berhalangan namun tetap berniat baik dan tulus untuk berjihad akan memperoleh pahala seperti orang yang berjihad secara langsung.

Video kuliah ustaz Abdul Somad siri ke 8 dan 9 adalah menceritakan tentang taubat.

Taubat dalam islam ialah kembali dari perbuatan maksiat atau dosa dan menuju taat kepada Allah, dan menyesali semua perbuatan dosa yang dilakukan. Ulama telah mengeluarkan bahawa syarat taubat bagi dosa dengan Allah mempunyai tiga perkara iaitu pertama, perlu menyesali perbuatan yang dilakukan yang menyimpang dari syara'. Kedua ialah meninggalkan kesalahan yang pernah dilakukan. Ketiga, berazam untuk tidak akan mengulangi kesalahan yang pernah dilakukan. Namun sekiranya dosa yang dilakukan ialah dosa terhadap manusia, maka terdapat syarat tambahan iaitu perlu menyelesaikan hak manusia tersebut terlebih dahulu. Sebagai contoh, sekiranya seseorang pernah mengambil harta orang lain maka perlu memulangkan kembali harta orang tersebut.

Pada video siri ke 8 Ustaz Abdul Somad telah menerangkan hadis nabi yang telah diriwayatkan oleh imam Muslim yang bernombor 2766.

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى، وَ مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ، - وَاللَّفْظُ لِابْنِ الْمُثَنَّى - قَالَ حَدَّثَنَا مُعَاذُ بْنُ هِشَامٍ، حَدَّثَنِي أَبِي، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ أَبِي الصِّدِّيقِ، عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " كَانَ فِيمَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ رَجُلٌ قَتَلَ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ نَفْسًا فَسَأَلَ عَنْ أَعْلَمِ أَهْلِ الْأَرْضِ فُذِّلَ عَلَى رَأْسِهِ فَأَتَاهُ فَقَالَ إِنَّهُ قَتَلَ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ نَفْسًا فَهَلْ لَهُ مِنْ تَوْبَةٍ فَقَالَ لَا . فَقَتَلَهُ فَكَمَّلَ بِهِ مِائَةً ثُمَّ سَأَلَ عَنْ أَعْلَمِ أَهْلِ الْأَرْضِ فُذِّلَ عَلَى رَجُلٍ عَالِمٍ فَقَالَ إِنَّهُ قَتَلَ مِائَةَ نَفْسٍ فَهَلْ لَهُ مِنْ تَوْبَةٍ فَقَالَ نَعَمْ وَمَنْ يَحُولُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ التَّوْبَةِ انْطَلِقْ إِلَى أَرْضٍ كَذَا وَكَذَا فَإِنَّ بِهَا أَنْاسًا يَعْبُدُونَ اللَّهَ فَاعْبُدِ اللَّهَ مَعَهُمْ وَلَا تَرْجِعْ إِلَى أَرْضِكَ فَإِنَّهَا أَرْضٌ

سَوْءٍ . فَأَنْطَلَقَ حَتَّى إِذَا نَصَفَ الطَّرِيقَ أَتَاهُ الْمَوْتُ فَاحْتَصَمَتْ فِيهِ مَلَائِكَةُ الرَّحْمَةِ وَمَلَائِكَةُ الْعَذَابِ فَقَالَتْ مَلَائِكَةُ الرَّحْمَةِ جَاءَ تَائِبًا مُقْبِلًا بِقَلْبِهِ إِلَى اللَّهِ . وَقَالَتْ مَلَائِكَةُ الْعَذَابِ إِنَّهُ لَمْ يَعْمَلْ خَيْرًا قَطُّ . فَأَتَاهُمْ مَلَكٌ فِي صُورَةِ آدَمِيٍّ فَجَعَلُوهُ بَيْنَهُمْ فَقَالَ قِيَسُوا مَا بَيْنَ الْأَرْضَيْنِ فَإِلَى أَيَّتِهِمَا كَانَ أَذْنِي فَهُوَ لَهُ . فَقَاسُوهُ فَوَجَدُوهُ أَذْنِي إِلَى الْأَرْضِ الَّتِي أَرَادَ فَقَبَضَتْهُ مَلَائِكَةُ الرَّحْمَةِ " . قَالَ قَتَادَةُ فَقَالَ الْحَسَنُ ذُكِرَ لَنَا أَنَّهُ لَمَّا أَتَاهُ الْمَوْتُ تَأَى بِصَدْرِهِ

Cara ustaz menerangkan hadis ini ialah dengan membaca potongan hadis kemudian menterjemahkan kepada Bahasa Indonesia supaya lebih mudah difahami oleh pendengar. Ustaz juga memberikan contoh yang berkait rapat dengan kehidupan.

Ustaz juga menerangkan dengan memberikan maksud hadis sebagai contoh di dalam hadis ini menerangkan tentang seseorang yang telah membunuh seramai 99 orang dan bertemudengan seseorang untuk bertanya adakah Allah akan menerima taubatnya, kemudian orang tersebut menjawab “Tidak” lalu dia membunuh orang tersebut. Kemudian orang tersebut bertemu dengan seorang alim dan menceritakan bahawa dia telah membunuh 100 orang, adakah Allah mahu menerima taubatnya. Kemudian alim tersebut menjawab “Iya” dan seterusnya alim tersebut menyuruhnya untuk pergi ke suatu Kawasan di mana ianya dipenuhi dengan orang yang membuat kebaikan. Di sini ustaz menerangkan bahawa sekiranya kita ingin bertaubat, sebaiknya kita pindah ke tempat yang lebih baik suasananya.

Sambungan kisah di dalam hadis ini ialah orang yang ingin bertaubat tersebut telah meninggal semasa di dalam perjalanan. Seterusnya ustaz menerangkan tentang hadis yang diriwayatkan oleh imam Bukhari dan Imam Muslim.

Ustaz menerangkan hadis ini selama dua kuliah kerana hadisnya yang panjang. Hadis ini menceritakan tentang seorang sahabat nabi yang bernama Ka’ab bin Malik yang tidak mengikuti perang Tabuk. Terdapat juga dua sahabat yang lain yang tidak mengikuti perang tersebut iaitu Murarah dan Hilal.

Ustaz juga memberikan dalil dari Al-Quran dan Hadis untuk menerangkan hadis. Sebagai contoh, perang Tabuk telah berlaku pada musim panas dan untuk menerangkannya Ustaz memberikan ayat Al-Quran iaitu surah Maryam ayat 25.

Maksudnya an goyanglah pangkal pohon kurma itu ke arahmu, niscaya (pohon) itu akan menggugurkan buah kurma yang masak kepadamu. Maksud di dalam ayat ini ialah pertama terdapat kaitan antara buah kurma dan perang Tabuk di mana buah kurma akan berbuah ketikamusim panas dan perang Tabuk juga berlaku dalam musim panas. Kedua ialah Allah menyuruh manusia untuk berusaha sekiranya ingin mendapatkan hasil. Ustaz juga menambah fakta mengenai kelebihan buah kurma di mana ia boleh menyejukkan perut dan ustaz juga membandingkan buah kurma dengan buah limau di mana buah limau tumbuh di musim sejuk kerana ianya mampu menghangatkan tubuh badan. Oleh kerana itu, kebiasaannya umat Islam mengamalkan berbuka dengan buah kurma kerana ia mampu menyejukkan perut.

Ka’ab bin Malik menceritakan tentang pengalamannya setelah mengaku bahawa ia tidak mengikuti perang tersebut dan setelah itu Rasulullah menyuruhnya pulang dan menunggusehingga wahyu turun. Beliau perlu menunggu sehingga 50 hari sehingga turunnya wahyu bahawa Allah telah mengampuni mereka. Ka’ab menceritakan bahawa setelah pengakuannya kepada Rasulullah ﷺ maka para sahabat yang lain pun terus mengabaikan dan tidak bercakap

dengan mereka yang tidak menyertai perang Tabuk. Selama 40 hari mereka tidak dapat bergaul dengan sahabat yang lain.

Antara kisah yang berlaku ialah apabila Ka’ab bin Malik pergi menunaikan solat di masjid, para sahabat tidak menegurnya sehinggalah sepupunya yang dicintai tidak berbicara dengannya. Setelah 40 hari tidak menegur mereka Rasulullah ﷺ memerintahkan agar isteri mereka meninggalkan mereka. Ini bukan bererti menceraikan mereka, namun hanya mengasingkan diri. Kemudian Ka’ab bin Malik pun

memerintahkan isterinya untuk pulang kerumah orang tuanya. Pada hari ke 50, berita gembira pun sampai ke telinga Ka'ab bin Malik dimana Allah telah mengampuni dosa yang ia dan 2 orang sahabat yang lain lakukan. Maka setelah itu, ramai sahabat yang menemui dan mengucapkan tahniah tanda gembira.

Kesimpulan

Kitab Riyadus Solihin merupakan salah satu kitab yang penting di dalam Islam. Kitab ini merupakan hasil karya Imam an-Nawawi yang merupakan salah seorang tokoh Ulama yang banyak memberikan sumbangan dalam bidang hadis.

Kitab ini menjadi salah satu kitab yang boleh dijadikan panduan masyarakat muslim. Hal ini kerana kitab ini menghimpunkan hadis yang berkait rapat dengan kehidupan seharian manusia. Masyarakat boleh memahami hadis yang terdapat di dalam kitab ini dengan mengikuti kuliah kitab ini sama ada kuliah secara langsung mahupun secara atas talian.

Kitab ini merupakan contoh terbaik kerana Imam An-Nawawi menghimpunkan hadis yang berstatus sahih dan hasan yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim. Jadi ia menunjukkan bahawa hadis yang dihimpunkan selamat untuk diamalkan. Kitab ini terkenal di kalangan ulama dan banyak digunakan oleh penceramah yang menjalankan kuliah di masjid dan surau.

Harapan pengkaji adalah agar masyarakat dapat lebih mengambil berat dan mendalami isi dan maksud hadis yang terdapat di dalam kitab Riyadus Solihin dengan cara berguru sama ada berjumpa dengan orang lebih arif secara langsung atau mengikuti kuliah yang dijalankan secara atas talian. Hal ini kerana banyak manfaat yang boleh diperolehi yang dapat melahirkan masyarakat yang sejahtera.

Rujukan

- Abdul Halim, Z. Z., Azmi, D. S., & Jasmi, K. A. (2019). Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam. p. 001-016.
- Al-Asyqar, U. S. (2006). Fiqih niat. *The concept of education in Islam*.
- Azyan Yusra Kapi@Kahbi, N. O. (n.d.). *Multimedia Education Tools for Effective*. Negeri Sembilan: Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi MARA.
- Baba, S. (2012). Pengurusan Islami: Aplikasi ihsan dan insan.
- Hakeem, L., Batumalai, P., & Jasmi, K. A. (2019). *Media Sosial dan Dampak Positif Menurut Islam*. Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarudin, M. A., Mustafa Kamal, M. S., & Safar, A. @. (2019). Media Sosial dan Dakwah Menurut Islam. p. 131-142.
- Kaplan, A. M., & Haenlain, M. (2010). Users of the world, unite! The challenges and Opportunities of Social Media. *Business Horizons*, 53(1): 59–68.
- Mohd Syahmir Alias, M. Z. (2019). Konsepsi Niat Menurut Al- Ghazali: Implikasinya dalam Penyelidikan.

- Muhammad Hazwan Johari, A. S. (15hb. Disember 2019). *Media Sosial dan Kelestarian Penggunaan Menurut Islam*. Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Prasetia, B. W. (02 Desember 2018). *Metode Komunikasi Dakwah Di Media Sosial (Facebook, Youtube, Twitter, Dan Instagram)*.
- Salleh, M. S. (2003). *Pembangunan berteraskan Islam*.
- Suhaida Abu Bakar, M. S. (2021). *Asas Kefahaman Islam Dalam Realiti Semasa*.
- Suriani Sudi, P. Y. (2017). *Elemen Kecerdasan Spiritual Menurut Hadis: Niat, Kehendak Dan Matlamat*.
- Samed, M. H. (2019). *Konsep Amar Makruf dan*. Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur. : Kertas Kerja dalam Seminar Institusi Islam.
- TRANTORO, D. A. (Juli-Desember 2020). *Ustaz Youtube: Ustaz Abdul Somad Dan Dinamika Perubahan Otoritas Keagamaan*. https://atsar.ilmusunnah.com/index.php?route=product/product&product_id=1823, diakses pada 3 Desember 2022, Wisnu Saputra, Biografi Imam Nawawi dan Kitab Riadush Shalihin